

PELAN STRATEGIK 2016-2020

JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA



PELAN STRATEGIK 2016-2020
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA



PELAN STRATEGIK 2016-2020

KANDUNGAN

KANDUNGAN	i
KATA ALUAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA	ii
SENARAI SINGKATAN	iii
PELAN STRATEGIK JUPEM 2016-2020 DALAM NOMBOR	viii
1.0 PENGENALAN	1
1.1 SEJARAH DAN LATAR BELAKANG	1
1.2 JUPEM DAN PEMBANGUNAN NEGARA	1
1.3 JUPEM DAN WAWASAN NEGARA	2
2.0 HALATUJU JUPEM	4
2.1 VISI	4
2.2 MISI	4
2.3 MOTO	4
2.4 OBJEKTIF STRATEGIK	4
2.5 DASAR KUALITI	4
2.6 STRUKTUR ORGANISASI JUPEM	4
2.7 KOD ETIKA	6
3.0 KERANGKA PELAN STRATEGIK JUPEM 2016-2020	6
4.0 PEMBENTUKAN BIDANG FOKUS UTAMA (KFA)	8
5.0 PELAN TINDAKAN	10
6.0 PENUTUP	10
LAMPIRAN A : PELAN TINDAKAN BAGI PELAN STRATEGIK JUPEM 2016-2020	
I. KADASTER	12
II. PEMETAAN	21
III. PEMETAAN UTILITI	29
IV. GEODETIK	34
V. EHWAL PERSEMPADANAN	47
VI. GEOSPATIAL PERTAHANAN	62
VII. ICT	73
VIII. PEMBANGUNAN MODAL INSAN	83

KATA ALUAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam hormat dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menintakan sepatah dua kata di dalam buku Pelan Perancangan Strategik JUPEM 2016 - 2020 ini.

Sebagaimana kita maklum, pelan perancangan strategik adalah sangat penting kerana ianya merupakan 'blue print' yang menjadi asas rujukan bagi menentukan hala tuju ke arah pencapaian matlamat Jabatan untuk tempoh masa yang ditetapkan.

Melalui pelan yang digubal ini, adalah diharapkan perancangan kerja akan menjadi lebih fokus, terancang dan bersistematik dalam memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan ukur dan pemetaan di samping mampu mencapai kehendak *stakeholders* dan memberi kepuasan kepada pelanggan.

Saya berharap dengan adanya pelan perancangan strategik ini, usaha dan kerja warga JUPEM akan menjadi lebih fokus dan terarah untuk merealisasikan matlamat yang digarap demi kejayaan dan kecemerlangan JUPEM.

Akhir kata, jayakanlah perancangan ini dengan penuh keikhlasan dan kejujuran demi memenuhi tanggungjawab yang kita sama-sama pikul.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Datuk Sr Ahmad Fauzi bin Nordin
PMW, DPMT, DSAP, JSM, SMZ, KMN

SENARAI SINGKATAN

AGO	<i>Australian Geospatial-Intelligence Organisation</i>
AHS	Akta Hakmilik Strata
AKRAB	Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam
ANGKASA	Agensi Angkasa Negara
APMM	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
APT	Akta Pengambilan Tanah
ARSM	Agensi Remote Sensing Malaysia
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BCP	<i>Business Continuity Plan</i>
BDPP	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan
BECA	<i>Basic Exchange and Cooperation Agreement</i>
BEP	Bahagian Ehwat Persempadanan
BGSP	Bahagian Geospatial Pertahanan
BK	Bahagian Kadaster
BKGIS	Bahagian Kartografi dan GIS
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
BPDGN	Bahagian Pangkalan Data Geospatial Negara
BPK	Bahagian Perancangan dan Korporat
BPS	Bahagian Pasukan Simpanan
BPT	Bahagian Pemetaan Topografi
BPTSBH	Bahagian Pemetaan Topografi Sabah
BPTSM	Bahagian Pemetaan Topografi Semenanjung Malaysia
BPTSWK	Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak
BPU	Bahagian Pemetaan Utiliti
BUG	Bahagian Ukur Geodetik
CERT	<i>Computer Emergency Response Team</i>
CGP	<i>Common Geospatial Picture</i>
CLCS	<i>Commission on the Limits of the Continental Shelf</i>
COM	<i>Common Operation Map</i>
COTI	<i>Central Officials Training Institute</i>
CPD	<i>Continuing Professional Development</i>
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DCA	Jabatan Penerbangan Awam Malaysia
DGC	Jawatankuasa Geospatial Pertahanan

DGIS	<i>Defence Geographic Information System</i>
DO	<i>Desired Outcome</i>
DOA	<i>Department of Agriculture</i>
DSDI	<i>Defence Spatial Data Infrastructure</i>
DTM	<i>Digital Terrain Model</i>
ESSCOM	<i>Eastern Sabah Security Command</i>
ETP	Program Transformasi Ekonomi
GEOINT	<i>Geospatial Intelligence</i>
GIS	<i>Geographic Information System</i>
GITN	<i>Government Integrated Telecommunication Network</i>
GNSS	<i>Global Navigation Satellite System</i>
GSA	<i>Group Settlement Areas</i>
GSDS	<i>Geospatial Deployable System</i>
GSMS	<i>Geospatial Mobile System</i>
GTP	Program Transformasi Kerajaan
HADR	<i>Humanitarian Assistance and Disaster Relief</i>
ICJ	<i>International Court of Justice</i>
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
ICTSO	<i>ICT Security Officer</i>
ICTSP	<i>ICT Strategic Planning</i>
IDFR	<i>Institute of Diplomacy and Foreign Relations</i>
IDPC	<i>Interim Data Production Capability</i>
IGS	<i>International GNSS Services</i>
IKEM	Institut Kejuruteraan Medan Tentera Darat
INSTUN	Institut Tanah dan Ukur Negara
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
ISMS	<i>Information Security Management Systems</i>
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JDA	<i>Joint Development Area</i>
JICA	<i>Japan International Cooperation Agency</i>
JKNG	Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi

JKPPSBN	Jawatankuasa Kebangsaan bagi Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri-Negeri
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
JKR	Jabatan Kerja Raya
JMG	Jabatan Mineral dan Geosains
JOG	<i>Joint Operation Graphic</i>
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
JPDSN	Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara
JPN	Jabatan Peguam Negara
JPP	Jawatankuasa Panglima-Panglima
JPPH	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPSM	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
JTB	Juruukur Tanah Berlesen
JTSS	Jabatan Tanah dan Survei Sarawak
JTUS	Jabatan Tanah dan Ukur Sabah
JUPEM	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
JWG-OBP	<i>Joint Working Group on the Outstanding Boundary Problems</i>
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KEMENTAH	Kementerian Pertahanan
KFA	Bidang Fokus Utama
KLN	Kementerian Luar Negeri
KOJUTA	Koperasi Juruukur Tanah Berlesen Berhad
KOMLEK	Bahagian Komunikasi dan Elektronik Pertahanan
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan
KPKKM	Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KTN	Kanun Tanah Negara
LJT	Lembaga Juruukur Tanah Malaysia
MaCGDI	<i>Malaysian Centre for Geospatial Data Infrastructure</i>
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam

MDeC	<i>Multimedia Development Corporation</i>
MetMalaysia	Jabatan Meteorologi Malaysia
MGCP	<i>Multinational Geospatial Co-Production</i>
MIMA	<i>Maritime Institute of Malaysia</i>
MIMOS	MIMOS Berhad
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MOF	<i>Ministry of Finance</i>
MOSTI	<i>Ministry of Science, Technology and Innovation</i>
MoU	<i>Memorandum of Understanding</i>
MPC	<i>Malaysia Productivity Corporation</i>
MPSJ	Majlis Perbandaran Subang Jaya
MTSA	Malaysia TrustMark Sektor Awam
MVJCA	<i>Malaysia – Vietnam Joint Commercial Area</i>
MyIPO	<i>Intellectual Property Corporation of Malaysia</i>
MyRTKNet	<i>Malaysia Real-Time Kinematic GNSS Network</i>
NAHRIM	<i>National Hydraulic Research Institute of Malaysia</i>
NBOS	Strategi Lautan Biru Kebangsaan
NCO	<i>Network Centric Operation</i>
NEM	Model Baru Ekonomi
NGA	<i>National Geospatial Agency</i>
NIMA	<i>National Imagery and Mapping Agency</i>
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
NRE	<i>Ministry of Natural Resources and Environment</i>
ONC	<i>Operational Navigation Chart</i>
OSCC	<i>Open Source Competency Centre</i>
PA	Pelan Akui
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PEJUTA	Persatuan Jurukur Tanah Bertauliah Malaysia
PHN	Pusat Hidrografi Nasional
PKP	Pelan Kesenambungan Perkhidmatan
PPj	Perbadanan Putrajaya
PS	Pelan Strata

PTD	Pejabat Tanah dan Daerah
PTG	Pejabat Tanah dan Galian
PUU	Penasihat Undang-undang
RAJD	Rejimen Askar Jurutera DiRaja
RISM	<i>Royal Institution of Surveyors Malaysia</i>
RMK-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
RPO	<i>Recovery Point Objective</i>
RPS	Rejimen Perhubungan Strategik
RTO	<i>Recovery Time Objective</i>
SAR	<i>Synthetic Aperture Radar</i>
SDI	<i>Spatial Data Infrastructure</i>
SIRIM	<i>Standards and Industrial Research Institute of Malaysia</i>
SLA	<i>Service Level Agreement</i>
SME	<i>Subject Matter Expert</i>
SO	<i>Strategic Objective</i>
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SPA	<i>Security Posture Assesment</i>
SPK	Seksyen Pembangunan Kompetensi
SPM	Sistem Perakaunan Mikro
SPPK	Sistem Pengurusan Personel Kadaster
SPSM	Seksyen Pengurusan Sistem Maklumat
SSL	<i>Security Secured Layer</i>
TDM	Tentera Darat Malaysia
TLDM	Tentera Laut DiRaja Malaysia
TLM	<i>Topographic Line Map</i>
TPC	<i>Tactical Pilotage Chart</i>
TUDM	Tentera Udara DiRaja Malaysia
ToR	<i>Term of Reference</i>
UK	<i>United Kingdom</i>
UNCLOS	<i>United Nations Convention on the Law of the Sea</i>
USA	<i>United States of America</i>

PELAN STRATEGIK JUPEM 2016 – 2020 DALAM NOMBOR	
Jangka masa (tahun)	5
Objektif Strategik (SO)	5
Bidang Fokus Utama (KFA)	10
Teras	8
Inisiatif Strategik	91

Pelan Strategik JUPEM dirangka untuk tempoh **5** tahun dengan berpaksikan kepada **5** Objektif Strategik (SO) yang telah ditetapkan dan menumpukan kepada **10** Bidang Fokus Utama (KFA). Pelan Strategik ini merangkumi **8** teras iaitu Kadaster, Pemetaan, Pemetaan Utiliti, Geodetik, Ehwal Persempadanan, Geospacial Pertahanan, Pembangunan Modal Insan dan ICT. Keseluruhannya sebanyak **91** inisiatif strategik telah dirancang bagi mencapai keberhasilan yang disasarkan.

1.0 PENGENALAN

1.1 SEJARAH DAN LATAR BELAKANG

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) merupakan antara agensi kerajaan yang tertua di Malaysia di mana aktiviti pengukuran bermula pada tahun 1885 dengan tertubuhnya Jabatan Ukur Negeri Johor. Bertitik tolak dari tahun 1885 hingga 1957, Jabatan-Jabatan Ukur Negeri dan Topografi telah ditubuhkan sehingga membawa kepada penyatuan secara berperingkat kepada satu organisasi seperti hari ini. Pada tahun 1965, kerajaan telah meluluskan penubuhan Direktorat Pemetaan Negara Malaysia dengan mandat mengendalikan kerjakerja ukur, topografi dan geodetik serta mengeluarkan pemetaan topografi dan peta bandar. Direktorat ini juga dimandatkan untuk menyelaras dan menyediakan semua keperluan peta dan carta bagi kegunaan Angkatan Tentera Malaysia. Penubuhan Jabatan diteruskan dengan penubuhan Bahagian Pemetaan Topografi Sabah (dahulunya Seksyen Topografi Sabah) (1983), JUPEM Wilayah Persekutuan Labuan (1984), Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak (dahulunya Seksyen Topografi Sarawak) (1989) dan diakhiri dengan penubuhan JUPEM Perlis pada tahun 1995. Sejak penubuhannya, JUPEM telah merencanakan pelbagai pembaharuan, pemodenan dan transformasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produk yang ditawarkan. Bermula daripada penggunaan peralatan konvensional sehinggalah kepada aplikasi satelit dan *Unmanned Aerial System (UAS)*, JUPEM sentiasa mengorak langkah mengikut perkembangan teknologi terkini dalam bidang ukur, pemetaan dan geospasial pertahanan.


1.2 JUPEM DAN PEMBANGUNAN NEGARA

Umumnya JUPEM bertanggungjawab dalam memacu pembangunan negara dan berfungsi sebagai penasihat kerajaan dalam bidang ukur, pemetaan dan maklumat geospasial di samping menjalankan kerja-kerja pengukuran dan pemetaan sebagai asas pembangunan sosio ekonomi dan kedaulatan negara. Secara spesifik, fungsi JUPEM dalam pembangunan Negara adalah seperti berikut:

- i. Menasihati Kerajaan dalam bidang ukur kadaster, pemetaan dan maklumat geospasial serta persempadanan negeri dan antarabangsa.
- ii. Menyediakan maklumat ukur kadaster secara lengkap dan kekal untuk tujuan pengeluaran hakmilik tanah, strata dan stratum.
- iii. Menguruskan pangkalan data ukur kadaster dan pemetaan dengan efisien.
- iv. Menerbitkan peta-peta topografi, kadaster, tematik dan utiliti untuk tujuan perancangan, pengurusan sumber asli, pemuliharaan alam sekitar, pembangunan, pemantauan dan keselamatan.
- v. Menyediakan infrastruktur geodetik bagi ukuran kadaster, pemetaan, kejuruteraan dan kajian saintifik.
- vi. Menyediakan khidmat geospasial pertahanan secara menyeluruh dan bersepadu untuk tujuan pertahanan dan keselamatan.
- vii. Menyediakan khidmat hitungan data-data falak dan astronomi termasuk jadual-jadual arah kiblat, waktu solat, data rukyah hilal, takwim hijriah dan maklumat gerhana serta almanak falak syarie.

1.3 JUPEM DAN WAWASAN NEGARA

Sebagai salah satu badan strategik kerajaan, JUPEM komited dan responsif terhadap wawasan Negara untuk menjadi Negara maju sepenuhnya menjelang 2020 (Wawasan 2020). JUPEM memainkan peranannya yang tersendiri sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam aspek maklumat geospasial kepada pencapaian pelan dan program kerajaan yang diperkenal dan dilaksanakan dalam menuju Wawasan 2020, yang merangkumi Model Baru Ekonomi (NEM) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP). NEM yang bermatlamat menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi dengan ciri keterangkuman dan kebolehpercayaan menjelang 2020, merupakan satu pelan yang hendak dicapai menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP).



Rajah 1 : Prinsip-prinsip dalam Model Baru Ekonomi (NEM)


Rajah 1 menunjukkan prinsip-prinsip di dalam NEM. Ketiga-tiga prinsip ini akan memacu kemajuan ekonomi untuk Malaysia menjadi sebuah negara yang membangun sepenuhnya; meletakkan kedudukan negara yang berdaya saing secara strategik di dalam ekonomi serantau dan global, persekitaran yang mapan dan kualiti kehidupan secara menyeluruh.

GTP pula berpaksikan kepada dua objektif, pertama, untuk mentransformasikan kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat; dan kedua, memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang maju, bersatupadu dan saksama dengan standard kehidupan yang tinggi untuk semua. Bagi mencapai objektif GTP, tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah ditetapkan iaitu:

- i. Mengurangkan jenayah
- ii. Membanteras rasuah
- iii. Memastikan pendidikan berkualiti
- iv. Mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah
- v. Mempertingkatkan pembangunan luar bandar
- vi. Mempertingkatkan pengangkutan awam bandar
- vii. Menangani kos sara hidup

Dalam konteks ini, maklumat dan teknologi geospasial adalah penting dalam membentuk platform asas untuk memacu pembangunan Negara yang sudah tentunya menyumbang kepada ETP dan GTP. Selain itu juga, komuniti geospasial seperti JUPEM memainkan peranan yang penting dalam pembentukan *Spatially Enabled Government and Society (SEGS)*.

Tempoh 2016 – 2020 bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) merupakan fasa akhir pelan halatuju pembangunan Negara ke arah Wawasan 2020. Untuk tujuan ini, RMK-11 dirangka oleh Kerajaan dengan berpaksikan kepada enam teras. **Rajah 2** menunjukkan enam teras strategik RMK-11 dan perkaitannya dengan NEM.



Rajah 2 : Teras Strategik RMK-11 dan perkaitannya dengan NEM

Selaras dengan halatuju Negara menjelang 2020, pelan dan program yang diperkenal dan dilaksanakan Kerajaan dijadikan asas dalam Pelan Strategik JUPEM 2016 - 2020.

2.0 HALATUJU JUPEM

2.1 VISI

“Menjadikan JUPEM terbilang dalam Perkhidmatan dan Pengurusan Ukur, Pemetaan dan Geospasial bagi memenuhi wawasan Negara”.

2.2 MISI

“Menyediakan Perkhidmatan dan Pengurusan Ukur, Pemetaan dan Geospasial yang berkualiti melalui sistem terbaik, sumber manusia yang kompeten dan persekitaran kerja yang kondusif”.

2.3 MOTO

“Pemacu Kesejahteraan Rakyat dan Pembangunan Negara”.

2.4 OBJEKTIF STRATEGIK


- i. Memastikan produk dan perkhidmatan ukur kadaster, pemetaan dan geodetik menepati sistem kualiti serta memenuhi keperluan pelanggan.
- ii. Memastikan pewujudan dan penyelenggaraan Pangkalan Data Ukur Kadaster dan Pemetaan yang kemaskini dan berkualiti bagi memenuhi keperluan infrastruktur data geospasial negara.
- iii. Menjadikan JUPEM pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan.
- iv. Memastikan penentuan, penandaan dan pengukuran sempadan negeri dan antarabangsa memenuhi keperluan pentadbiran negeri serta menjamin kedaulatan negara.
- v. Memastikan perkhidmatan geospasial pertahanan yang berkualiti dan bersepadu dalam mendokong infrastruktur pertahanan dan keselamatan Negara.

2.5 DASAR KUALITI

JUPEM komited kepada pemberian perkhidmatan ukur kadaster dan pemetaan serta penyebaran maklumat geospasial yang berkualiti mengikut standard yang ditetapkan dan kepada usaha penambahbaikan yang berterusan bagi memenuhi kehendak pelanggan.

2.6 STRUKTUR ORGANISASI JUPEM

Struktur organisasi JUPEM adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3**.



Nota * Juruukur/JuruGeospasial

Rajah 3 : Carta Organisasi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
(Diluluskan melalui waran perjawatan Bil. E128 Tahun 2013)


2.7 KOD ETIKA

Kod etika JUPEM dalam menjalankan fungsinya ialah:

- i. Amanah dan jujur dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan.
- ii. Sentiasa sabar, tenang dan cekal dalam semua situasi.
- iii. Benar, tulus dan ikhlas dalam menjalankan sebarang urusan.
- iv. Berdisiplin dan berhemah tinggi.
- v. Yakin, tepat, adil dan konsisten dalam membuat sebarang keputusan.
- vi. Sentiasa mengamalkan ciri-ciri kreatif, inovatif, bermotivasi, berdaya saing dan akauntabiliti.
- vii. Menjalinkan semangat kerjasama, muhibbah dan kasih sayang pada semua peringkat.
- viii. Berbangga menjadi warga JUPEM dan sentiasa berusaha meninggikan martabat dan imej jabatan.
- ix. Memberi perkhidmatan yang efisien dan berkualiti.
- x. Berusaha memastikan produk-produk jabatan adalah berkualiti dan memenuhi kehendak pelanggan.
- xi. Sentiasa berwaspada dalam pengendalian maklumat tanpa membocori rahsia Negara kepada pihak yang tidak berhak menerimanya.

3.0 KERANGKA PELAN STRATEGIK JUPEM 2016-2020

Bagi memastikan JUPEM terus menjadi agensi yang strategik dalam menyumbang ke arah pencapaian matlamat pembangunan Negara, maka pelan strategik JUPEM telah dibangunkan dengan menggunakan khidmat kepakaran Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA), Universiti Sains Malaysia, yang berasaskan kepada kerangka perancangan seperti yang dipaparkan dalam **Rajah 4**.



Rajah 4 : Kerangka perancangan pelan strategik


Rajah 4 menunjukkan pentingnya penjajaran antara wawasan serta misi dan visi JUPEM kepada bentuk operasi atau tindakan di peringkat operasi. Penyediaan Pelan Strategik ini dimulai dengan melihat visi, misi dan seterusnya objektif strategik yang hendak dicapai oleh JUPEM. Dengan kata lain, JUPEM memulakan pelan strategik dengan melihat apakah impak dan keberhasilan yang hendak dicapai dalam jangka masa lima tahun akan datang.

Susulan daripada itu, JUPEM menjalankan analisis persekitaran untuk mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman, yang dilakukan melalui analisis SWOT. Seterusnya kajian selidik dijalankan untuk menilai persepsi pelanggan terhadap perkhidmatan JUPEM. Ini diikuti dengan analisis pencapaian strategi JUPEM dalam Pelan Strategik terdahulu sehingga 2014. Semua langkah ini dijalankan dengan matlamat untuk memastikan Pelan Strategik JUPEM 2016 - 2020 mengambil kira kesemua aspek penting dan kritikal ke arah pencapaian matlamat strategik JUPEM.

Langkah seterusnya yang diambil oleh JUPEM ialah mengenalpasti bidang keutamaan yang perlu diberi penekanan bagi pelaksanaan dalam menuju 2020. Ini dilakukan melalui pengenalpastian bidang fokus utama (KFA). Pelan tindakan kemudiannya dibangunkan merangkumi kesemua aspek penting termasuk mengenalpasti inisiatif strategik, sasaran, tanggungjawab dan rakan strategik dalam melaksanakan perancangan yang dihasilkan.

4.0 PEMBENTUKAN BIDANG FOKUS UTAMA (KFA)

Berpandukan kepada analisis persekitaran, analisis maklumbalas pelanggan, analisis pencapaian strategi terdahulu, dasar dan wawasan kerajaan, serta cabaran geospasial di peringkat global, JUPEM telah mengenalpasti empat elemen yang menjadi asas kepada usahanya untuk mencapai produk dan perkhidmatan terbaik. Empat elemen berkenaan ialah tadbir urus dan sistem terbaik, sumber manusia yang kompeten, persekitaran kerja yang kondusif, dan responsif terhadap isu nasional dan antarabangsa. Perkaitan antara empat elemen ini dengan hasil yang ingin dicapai ditunjukkan dalam **Rajah 5**.



Rajah 5 : Empat elemen utama Pelan Strategik JUPEM 2016 - 2020

Hasil daripada pengenalpastian elemen-elemen tersebut, JUPEM telah menetapkan 10 KFA dalam merangka Pelan Strategik JUPEM 2016 - 2020. Fokus dan strategi yang dikenalpasti adalah seperti di dalam **Jadual 1**.

Bil	KFA	Strategi
1	Tadbir Urus	Memantapkan tadbir urus ke arah menjadi pusat rujukan utama dalam bidang ukur kadaster, pemetaan dan geospasial di peringkat nasional dan antarabangsa.
2	Infrastruktur Geodetik	Memantapkan perkhidmatan infrastruktur geodetik yang efisien dan bersepadu di peringkat nasional dan antarabangsa.
3	Pengurusan dan Perkhidmatan Geospasial	Memastikan pengurusan dan keupayaan perkhidmatan geospasial yang efektif, bersepadu dan bercirikan keselamatan tinggi untuk tujuan pertahanan, pembangunan lestari dan kesejahteraan rakyat.
4	Pemetaan Utiliti Bawah Tanah	Memantapkan polisi dan melengkapkan data utiliti bawah tanah untuk seluruh negara.
5	Hal Ehwal Persempadanan	Meneruskan kelangsungan sebagai <i>competent authority</i> bagi hal ehwal persempadanan untuk tujuan pembangunan, penguatkuasaan undang-undang dan kedaulatan negara.
6	Infrastruktur ICT dan Infostruktur ICT	Memperkukuhkan infrastruktur ICT dan infostruktur ICT yang kondusif dan kompetitif.
7	Sistem Penyampaian Perkhidmatan	Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien dalam bidang ukur kadaster, pemetaan dan geospasial.
8	Kolaborasi dan Jaringan	Memantapkan kolaborasi dan jaringan dengan agensi dan institusi di peringkat nasional dan antarabangsa.
9	Pemasaran Produk dan Perkhidmatan	Memaksimumkan pemasaran produk dan perkhidmatan JUPEM.
10	Sumber Manusia Yang Kompeten, Kreatif dan Inovatif	Menyediakan sumber manusia yang kompeten, <i>knowledge based</i> , kreatif dan inovatif.

Jadual 1 : Perkaitan antara KFA dan strategi JUPEM

5.0 PELAN TINDAKAN

Berdasarkan kepada 10 KFA yang dikenalpasti, JUPEM telah membangunkan pelan tindakan bagi Pelan Strategik 2016 - 2020 yang menumpukan kepada lapan teras utama, iaitu:

- i. Kadaster
- ii. Pemetaan
- iii. Pemetaan Utiliti
- iv. Geodetik
- v. Ehwal Persempadanan
- vi. Geospatial Pertahanan
- vii. ICT
- viii. Pembangunan Modal Insan

Pelan tindakan bagi Pelan Strategik 2016 - 2020 JUPEM ditunjukkan dalam **LAMPIRAN A**.

6.0 PENUTUP

Pelan Strategik JUPEM 2016 – 2020 ini akan menjadi teras Jabatan dalam menyediakan produk dan perkhidmatan terbaik bagi memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan. Ini dilakukan melalui sistem terbaik, sumber manusia yang kompeten dan persekitaran kerja yang kondusif, seiring dengan perkembangan kemajuan teknologi dan kehendak serta keperluan semasa. Usaha ini adalah untuk menjadikan JUPEM terbilang dalam perkhidmatan ukur dan pemetaan serta pengurusan data geospatial bagi memenuhi wawasan Negara, sekaligus mampu mengangkat martabat JUPEM sebagai agensi yang penting dan strategik dan menyumbang kepada pencapaian halatuju pembangunan Negara.



LAMPIRAN A :
PELAN TINDAKAN BAGI PELAN STRATEGIK
JUPEM 2016 - 2020



I. KADASTER

Strategi : Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien dalam bidang ukur kadaster, pemetaan dan geospasial

KFA : Sistem Penyampaian Perkhidmatan

TERAS : Ukur Kadaster

SO : Menjadikan JUPEM pusat kecermerlangan dan rujukan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan

DO : Posisi JUPEM yang terbilang dan gemilang di peringkat nasional dan antarabangsa

INISIATIF STRATEGIK	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	TANGGUNGJAWAB	RAKAN STRATEGIK/ AGENSI	SASARAN MASA				
					2016	2017	2018	2019	2020
1. Meningkatkan keupayaan sistem eKadaster bagi menambah baik perkhidmatan ukur kadaster dan melengkapkan pangkalan data ukur.	1.1 Menawarkan perkhidmatan aplikasi JUPEM2U kepada pengguna baru.	Bilangan pengguna baru didaftarkan (100)	Bahagian Kadaster	PTD PTG JKPTG LJT JTB Agensi Berkaitan Tanah IPTA/S	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	1.2 Mengadakan client engagement.	Bilangan pelanggan baru (5)	Bahagian Kadaster		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	1.3 Meningkatkan kelajuan dan capaian di atas talian.	Kelajuan capaian (20 Mbps)	Bahagian Kadaster	MAMPU GITN	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	1.4 Mengintegrasikan sistem-sistem geospasial JUPEM dengan sistem-sistem geospasial lain yang dibangunkan oleh agensi lain.	Bilangan agensi (5)	Bahagian Kadaster	JMG JFSM DOA JPBD JPPH	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	1.5 Meningkatkan ketersediaan perkongsian data melalui penambahan modul baru.	Bilangan perisian FME (5 Translator)	Bahagian Kadaster	JMG JFSM DOA JPBD JPPH	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	1.6 Meningkatkan kapasiti modal insan.	Bilangan kursus (10 kursus setahun)	Bahagian Kadaster	INSTUN	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

INISIATIF STRATEGIK	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	TANGGUNGJAWAB	RAKAN STRATEGIK/ AGENSI	SASARAN MASA				
					2016	2017	2018	2019	2020
	1.7 Menilai keupayaan dan keselamatan perkakasan sistem yang sedang digunakan.	Bilangan Security Posture Assessment (SPA) (5)	Bahagian Kadaster		<input type="checkbox"/>				<input type="checkbox"/>
	1.8 Mengantikan perkakasan yang telah mencapai 'end of life'.	Bilangan perkakasan : Storage (13) Server (52) W/S (1000) F/C (375) TS (200) GR (80) OS Server (52) COTS GIS (1400 - MapInfo)	Bahagian Kadaster / JUPEM Negeri		<input type="checkbox"/>				<input type="checkbox"/>
	1.9 Mewujudkan Pusat Setempat Maklumat Warta Tanah bagi lot-lot tanah untuk kawasan yang diwartakan.	Bilangan Lot (5,000)	Bahagian Kadaster / JUPEM Negeri	Arkib Negara SUK Negeri	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	1.10 Mengadakan kerjasama bagi mendapatkan pelan siap bina dari agensi pelaksana infrastruktur fizikal untuk kemaskini lapisan data GLMS.	Bilangan agensi (100)	JUPEM Negeri	PBT JKR JPS JPBD	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

INISIATIF STRATEGIK	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	TANGGUNGJAWAB	RAKAN STRATEGIK/ AGENSI	SASARAN MASA				
					2016	2017	2018	2019	2020
	1.11 Menyediakan spesifikasi produk bagi pelan siap bina yang diterima dari agensi pelaksana infrastruktur fizikal.	Bilangan Garis Panduan (1)	Bahagian Kadaster	PBT JKR JPS		<input type="checkbox"/>			
	1.12 Membangunkan modul aplikasi kuripan dan prosesan dan penyimpanan data kadaster 3D.	Bilangan modul (2)	Bahagian Kadaster	LJT JKPTG		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>		
	1.13 Membangunkan pangkalan data kadaster 3D.	Bilangan pangkalan data (1)	Bahagian Kadaster	LJT JKPTG		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>		
	1.14 Menjalankan PoC bagi pembangunan semula pangkalan data menggunakan platform open source dan konsep kadaster 3D.	Bilangan Negeri (1 & WP Kuala Lumpur)	Bahagian Kadaster / JUPEM Negeri			<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>		
	1.15 Membangunkan semula pangkalan data sistem eKadaster menggunakan platform open source.	Bilangan Negeri (12)	JUPEM Negeri	MAMPU			<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	1.16 Perolehan kenderaan untuk kegunaan khidmat sokongan kerja luar di 13 Ibu Pejabat JUPEM Negeri dan 31 Pejabat Ukur Daerah.	Bilangan kenderaan baru (44)	Bahagian Kadaster				<input type="checkbox"/>		

INISIATIF STRATEGIK	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	TANGGUNGJAWAB	RAKAN STRATEGIK/ AGENSI	2016	2017	2018	2019	2020
2. Melaksana peningkatan tahap kualiti maklumat ukur terhadap lot-lot tanah yang masih dalam kategori sub-standara (kelas dua LSO, kelas tiga dan demarkasi).	2.1 Menjalankan kajian cadangan penyelesaian pengukuran naik taraf terhadap lot-lot yang masih dalam kategori sub-standara (kelas dua LSO, kelas tiga dan demarkasi).	Bilangan kajian (1)	Bahagian Kadaster	PTD PTG	<input type="checkbox"/>				
	2.2 Menjalankan ukuran naik taraf lot-lot yang masih dalam kategori sub-standara (kelas dua LSO, kelas tiga dan demarkasi) oleh Jabatan dan JTB.	Bilangan Lot (45,000)	JUPEM Negeri	JTB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Melaksanakan kerjasama dengan pihak Pentadbiran Tanah Negeri berdasarkan domain standard antarabangsa, LADM ke arah pengintegrasian dalam pentadbiran tanah.	3.1 Melaksanakan LADM bagi W.P. Putrajaya.	Pangkalan Data yang mematuhi LADM (1)	Bahagian Kadaster	JKPTG PTG WP Putrajaya			<input type="checkbox"/>		



Strategi : Memantapkan tadbir urus ke arah menjadi pusat rujukan utama dalam bidang ukur kadaster, pemetaan dan geospasial di peringkat nasional dan antarabangsa

KFA : Tadbir Urus

TERAS : Ukur Kadaster

SO : Menjadikan JUPEM pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan

DO : Posisi JUPEM yang terbilang dan gemilang di peringkat nasional dan antarabangsa

INISIATIF STRATEGIK	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	TANGGUNGJAWAB	SAKARAN MASA				
				2016	2017	2018	2019	2020
4. Mewujudkan marin kadaster sebagai pelengkap pemeliharaan dan pentadbiran marin negara melalui penentuan hak milik marin di perairan kerajaan negeri dan persekutuan.	4.1 Mengadakan kerangka undang-undang kadaster marin.	Bilangan rang undang-undang yang dihasilkan (1)	Bahagian Kadaster	JKPTG PTG LJT			<input type="checkbox"/>	
5. Mengkaji semula kaedah pembayaran upah ukur bersama agensi terlibat supaya dapat disalurkan terus kepada Jabatan Akauntan Negara (JAN) secara atas talian (<i>online</i>).	5.1 Mewujudkan tatacara pembayaran upah ukur semasa kutipan dilaksanakan oleh pihak pentadbiran tanah negeri.	Bilangan tatacara pembayaran yang diluluskan (1)	Bahagian Kadaster	Jabatan Akauntan Negara JKPTG Bendahari Negeri			<input type="checkbox"/>	
6. Mengkaji bayaran fi bagi ukuran hakmilik tanah supaya selaras dengan kadar bayaran upah ukur yang dilaksanakan oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB).	6.1 Mewujudkan dokumen Jadual bayaran ukur baru sebagai satu Perintah di bawah Karun Tanah Negara (KTN).	Bilangan perintah jadual bayaran ukur (1)	Bahagian Kadaster / Seksyen Perundangan	JKPTG			<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Strategi : Memaksimumkan pemasaran produk dan perkhidmatan JUPEM

KFA : Pemasaran Produk dan Perkhidmatan

TERAS : Ukur Kadaster

SO : Memastikan produk dan perkhidmatan ukur kadaster, pemeataan dan geodetik menepati sistem kualiti serta memenuhi keperluan pelanggan

DO : Produk dan perkhidmatan JUPEM yang diyakini dan disegani

INISIATIF STRATEGIK	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	TANGGUNG-JAWAB	RAKAN STRATEGIK/ AGENSI	SASARAN MASA				
					2016	2017	2018	2019	2020
7. Memperluaskan pelaksanaan 'Multipurpose Kadaster' kepada bandar utama negeri- negeri lain.	7.1 Melaksanakan projek 'Multipurpose Kadaster' bagi bandar utama, negeri- negeri.	Kawasan liputan (Greater Kuala Lumpur dan 'Malaysian Vision Valley'	Bahagian Kadaster /JUPEM Negeri	12 PBT DBKL PPJ MBPJ MPSJ MBSA MP Kelang MP Selayang MP Ampang Jaya MP Kajang MP Sepang MP Seremban MP Nilai	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



Strategi : Menyediakan sumber manusia yang kompeten, knowledge based, kreatif dan inovatif

KFA : Sumber Manusia Yang Kompeten, Kreatif dan Inovatif

TERAS : Ukur Kadaster

SO : Menjadikan JUPEM pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan

DO : Posisi JUPEM yang terbilang dan gemilang di peringkat nasional dan antarabangsa

INISIATIF STRATEGIK	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	TANGGUNGJAWAB	SASARAN MASA					
				2016	2017	2018	2019	2020	
8. Meningkatkan kapasiti dan kompetensi staf.	8.1 Mengadakan <i>subject matter expert</i> (SME) bagi platform <i>open source</i> di kalangan pegawai JUPEM.	Bilangan pegawai (10)	Bahagian Kadaster	MAMPU					
9. Meningkatkan keupayaan sistem eKadaster bagi menambahbaik perkhidmatan ukur Kadaster dan melengkapkan pangkalan data ukur.	9.1 Membangunkan personal ICT yang berkebolehan dan berkeupayaan tinggi: <ul style="list-style-type: none"> i. Penglibatan dalam pasukan projek-Role and Responsibility ii. Menyertai <i>Technology Update</i> iii. Penglibatan Personal ICT JUPEM dengan agensi yang berkaitan iv. Inovasi dan kreativiti-kertas teknikal v. <i>Certified program-expert</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Bilangan Projek ICT di JUPEM (3 projek) ii. Bilangan <i>Technology Update</i> (10) iii. Bilangan Projek ICT di JUPEM (3 projek) iv. Bilangan <i>conference paper</i> (2) v. Bilangan program terlibat (5) dan bilangan personal yang terlibat (15) 	BK	JKPTG PTG LJT					

INISIATIF STRATEGIK	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	TANGGUNG JAWAB	RAKAN STRATEGIK/ AGENSI	SASARAN MASA				
					2016	2017	2018	2019	2020
10. Memperluaskan pelaksanaan Multipurpose Kadaster kepada bandar utama negeri-negeri lain	10.1 Memperluaskan kumpulan sasar dan pengguna luar selain pengguna tradisi melalui bengkel/seminar/kursus berkaitan MPC (Smart Kadaster) .	Bilangan program yang diadakan Bengkel (5) Seminar (5) Kursus (5)	BK	12 PBT DBKL PPJ MBPJ MPSJ MBSA MP Kelang MP Selayang MP AmpangJaya MP Kajang MP Sepang MP Seremban MP Nilai PDRM IPTA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	10.2 Mengadakan kolaborasi dengan lain-lain agensi dan IPT melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).	Bilangan kolaborasi (3)							
	10.3 Lawatan sambil belajar ke institusi luar negara yang melaksanakan MPC.	Bilangan lawatan teknikal keluar negara (2 kali setahun)	BK	Agensi yang melaksanakan SmartCity dan IPT	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



II. PEMETAAN



Strategi : Memastikan pengurusan data geospasial yang efektif, bersepadu dan bercirikan keselamatan untuk tujuan pertahanan, pembangunan lestari dan kesejahteraan rakyat

KFA : Pengurusan Data Geospasial

TERAS : Pemetaan

SO : Memastikan pewujudan dan penyelenggaraan pangkalan data ukur kadaster dan pemetaan yang kemaskini dan berkualiti bagi memenuhi keperluan infrastruktur data geospasial negara

DO : Pengurusan sistem pangkalan data geospasial negara yang mantap

INISIATIF STRATEGIK	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	TANGGUNGJAWAB	SASARAN MASA					
				2016	2017	2018	2019	2020	
1. Memastikan Pangkalan Data Geospasial Negara sentiasa kemaskini.	<p>1.1 Mewujudkan prosedur kerja baru dalam Pemetaan.</p> <p>a. Melaksanakan sepenuhnya pendigitalan mono bagi butiran selain relief untuk kerja-kerja pendigitalan Pangkalan Data Topografi skala 1:25000 dan 1:5000.</p> <p>b. Mengemaskini butiran butiran utama (<i>prominent feature</i>) topografi lebih kerap.</p> <p>c. Memaksimumkan Pemetaan Ulangan Terhadap tanpa adanya arahan Pemetaan.</p> <p>d. Menyediakan tatacara yang komprehensif bagi mengenalpasti kekemaskinian Pangkalan Data.</p> <p>e. Memastikan pengemaskinian Pangkalan Data Skala Besar meliputi sempadan PBT sebenar.</p>	Bilangan SOP baru yang disiapkan (1)	BPDGN BDPP	PBT KPKT Agensi-Agensi NRE JTB Konsultian Luar	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

INISIATIF STRATEGIK	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	TANGGUNGJAWAB	RAKAN STRATEGIK/ AGENSI	SASARAN MASA				
					2016	2017	2018	2019	2020
	1.2 Pengkontrakkan Peta-peta Bandar Siri MY701.	Bilangan bandar (14)	BPDGN	PBT KPKT Agensi-agensi NRE JTB Konsultian Luar	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	1.3 Menjalankan Fotografi Udara menggunakan pesawat.	Bilangan kontrak pesawat (Semua negeri di Semenanjung, Sabah & Sarawak)	BPTSM BPTSBH BPTSWK		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	1.4 Menjalankan fotografi udara menggunakan UAV mengambil kira pelaksanaan perkongsian penggunaan UAV di kalangan agensi di bawah NRE.	Bilangan perolehan unit UAV (5 - di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia)	BPTSM BPTSBH BPTSWK BDPP BGSP		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	1.5 Memperluaskan modul GDAS ke JUPEM Negeri.	Bilangan modul yang disiapkan (Semua JUPEM Negeri)	BDPP BK		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	1.6 Melantik pegawai sepenuh masa untuk memantau perubahan.	Bilangan pegawai (6) (4 - Semenanjung Malaysia, 1 - Sabah & 1 - Sarawak)	BDPP		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	1.7 Mengadakan kerjasama dengan PBT bagi meningkatkan perkongsian data melalui pelaksanaan NBOS	Pengumpulan data terkini bagi kawasan PBT	BDPP BPTSM	PBT	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
						<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

INISIATIF STRATEGIK	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	TANGGUNGJAWAB	RAKAN STRATEGIK/ AGENSI	SASARAN MASA				
					2016	2017	2018	2019	2020
2. Mengadakan maklumat kefingjian (DSM dan DTM) seluruh Negara pada resolusi yang diperlukan oleh pelanggan.	2.1 Membuat perolehan data imej RADAR untuk DSM, DTM dan ORI.	Bilangan negeri (Semua negeri di Semenanjung, Sabah & Sarawak)	BDPP	Konsultan Luar IPTA IPTS Agensi-agensi NRE	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	2.2 Perolehan sistem/data LiDAR bagi High Resolution DTM dan Topographic Maps	Lembangan sungai yang ditetapkan oleh JPS	BPTSM	JPS	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Mengadakan Archiving Image System.	3.1 Membuat perolehan perkhidmatan pengimejan filem udara.	Bilangan gulung filem (35)	BPTSM	Konsultan Luar Agensi-agensi NRE	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Memastikan keselamatan pangkalan data terpelihara.	4.1 Membuat perolehan Disaster Recovery Center (DRC) di luar premis JUPEM.	Bilangan DRC (1)	BPK (SPSM) BPDGN	MAMPU PDRM Kementerian Pertahanan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



Strategi : Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien dalam bidang ukur kadaster, pemetaan dan geospasial

KFA : Sistem Penyampaian Perkhidmatan

TERAS : Pemetaan

SO : Menjadikan JUPEM pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan

DO : Posisi JUPEM yang terbilang dan gemilang di peringkat nasional dan antarabangsa

INISIATIF STRATEGIK	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI	TANGGUNGJAWAB	RAKAN STRATEGIK/ AGENSI	SASARAN MASA				
					2016	2017	2018	2019	2020
5. Melaksanakan aktiviti Penerbitan Peta Topografi dan Tematik mengikut spesifikasi dan memenuhi kehendak stakeholder/pengguna.	5.1 Menerbitkan Peta Topografi/Tematik mengikut keutamaan.	Bilangan lembar setahun (382)	BKGIS BPTSM BPTSBH BPTSWK	Agensi-agensi pengguna dan Agensi-agensi kerajaan yang berkaitan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	5.2 Mengadakan kolaborasi dengan agensi-agensi/pengguna (skop).	Bilangan agensi (5)	BKGIS		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Melaksanakan penerbitan Atlas Kebangsaan yang komprehensif secara berferusan.	6.1 Mengemaskini Pangkalan Data Atlas Kebangsaan.	Bilangan tema (9)	BKGIS	Agensi-agensi pengguna dan Agensi-agensi kerajaan yang berkaitan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
